

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU OPERASI

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

Gred **Jadual Gaji Minimum - Maksimum**

Gred N11 : RM802.00 - RM2663.00

Gred N14 : RM1,572.00 - RM3,037.00

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM847.99); atau
 - (d) (ii) PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan memiliki lessen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lessen memandu dalam tempoh percubaan (P)]
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM894.14).
- SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

- | | | |
|--|-----|---|
| LATIHAN | 5. | Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan. |
| PROGRAM TRANSFORMASI MINDA / PEPERIKSAAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN | 6. | Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda. |
| | 7. | Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan |
| PERGERAKAN GAJI TAHUNAN | 8. | Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI KENAikan PANGKAT KE N14 | 9. | Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat. |
| | 10. | Pembantu Operasi Gred N11 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Operasi Gred N14 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H17, OPERATOR WAYARLES GRED N17, PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17 ATAU PEMBANTU KESIHATAN GRED U17 | 11. | (a) Pembantu Operasi yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H17, Operator Wayarles Gred N17, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 atau Pembantu Kesihatan Gred U17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan. |